KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	02.06.22	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

Untung bersih TNB susut 10.5 peratus

PETALING JAYA: Keuntungan selepas cukai (PAT) Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi Suku Pertama Tahun Kewangan 2022 (S1TK2022) menurun 10.5 peratus kepada RM0.9 bilion meskipun pendapatan Kumpulan meningkat 36.4 peratus kepada RM15.7 bilion didorong 4.0 peratus peningkatan dalam permintaan elektrik di Semenanjung Malaysia.

Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (EBITDA) pada suku dilaporkan berjumlah RM5.1 bilion manakala margin EBITDA ialah 32.8 peratus, disumbangkan oleh perbelanjaan operasi lebih tinggi yang meningkat sebanyak 64.1 peratus berikutan kenaikan harga bahan api.

Kos penjanaan tenaga, termasuk kos bahan api, membentuk lebih 65 peratus daripada tarif asas. Kenaikan harga bahan api fosil, terutama arang batu, telah meningkatkan kos penjanaan tenaga negara.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Ir. Baharin Din berkata, biarpun dalam tempoh sukar, syarikat utiliti itu terus melaksanakan peranannya sebagai pembekal elektrik negara dan sentiasa memastikan rakyat mendapat akses kepada tenaga berdaya harap pada harga berpatutan, seterusnya menerangi kehidupan seluruh rakyat Malaysia.



TNB kekal komited untuk melaksanakan peranannya sebagai pembekal elektrik negara dan memastikan rakyat mendapat akses kepada tenaga pada harga berpatutan.

"Pelaburan berterusan kami akan memastikan infrastruktur sedia ada terus beroperasi dengan cekap sambil kami mencapai Hala Tuju Kelestarian kami yang berlandaskan aspirasi menuju pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050. Pada tahun-tahun mendatang juga, TNB memberi tumpuan kepada menyokong usaha Kerajaan Malaysia dalam membina semula ekonomi negara," katanya dalam kenyataan.

Bagi menangani isu kenaikan harga bahan api fosil, Baharin berkata, TNB bekerjasama rapat dengan kerajaan untuk memastikan kebajikan golongan yang memerlukan dilindungi, di samping menjaga kesinambungan rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR).

Menurut beliau, kerajaan berterusan mengekalkan rangka kerja IBR dan berjaya membendung impak turun naik harga bahan api melalui mekanisme Pelepasan Kos Tidak Seimbang (ICPT).

Katanya, sejak pengenalan rangka kerja IBR, RM8.6 bilion rebat ICPT telah dinikmati pengguna di samping RM5.3 bilion surcaj dilepaskan kepada mereka.

"Biarpun prestasi sistem kami mencapai taraf dunia, kami tetap terus melabur dalam infrastruktur terutamanya untuk meningkatkan daya harap menerusi pelaksanaan grid pintar. Rangkaian pembekalan memainkan peranan penting dalam menggerakkan peralihan tenaga negara, jadi perancangan dan pembangunan infrastruktur secara berterusan adalah penting.

"TNB komited dalam mengekalkan prestasi sistem bertaraf dunia sekali pun dalam persekitaran operasi yang mencabar," katanya.

Baharin turut menjelaskan, TNB sedang membangunkan Utiliti Pintar menjelang 2025.